

BH PILIH 2C 9 (emel)

RM500j pinjaman PTPTN digantung

112,132 pelajar IPT tidak penuhi syarat perjanjian mencapai GPA 2.0

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menggantung hampir RM500 juta pengeluaran pinjaman kepada 112,132 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang gagal mendapat nilai purata gred kumulatif (GPA) 2.0 dalam tempoh sembilan tahun bermula 2002 hingga kini.

Daripada jumlah itu, sebahagian besarnya membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di seluruh negara.

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman, berkata tahun ini, seramai 4,383 pelajar gagal mendapat GPA 2.0 membabitkan RM31.36 juta pinjaman disekat.

"Kebanyakan pelajar yang disekat pinjaman adalah menuntut IPTS. Jika gagal mencapai GPA 2.0 pada semester satu, mereka perlu buat persediaan serta perlu mendapat GPA melebihi 2.0 pada semester kedua. Jika tidak, masuk semester ketiga PTPTN akan menahan pinjaman mereka.

"Oleh itu kita berharap IPTS memberi perhatian pengambilan pelajar yang benar-benar berkualiti ke pusat

pengajian mereka," katanya kepada *Berita Harian*.

Tahun 2007, 2008 dan 2009 mencatat jumlah paling tinggi penggantungan membabitkan 61,485 pelajar dengan jumlah pinjaman mencecah RM300 juta. Pada 2002 pula, membabitkan 23 pelajar dengan jumlah pinjaman RM107,685, di-

FAKTA NOMBOR

4,383
pelajar

IPT gagal mendapat
GPA 2.0 tahun ini

ikuti 2003 membabitkan 97 pelajar (RM394,848), 2004 membabitkan 1,475 pelajar (RM4.9 juta) 2005 membabitkan 21,994 pelajar (RM79.4 juta) dan 2006 membabitkan 22,675 pelajar (RM86.4 juta).

"PTPTN mengambil tindakan itu berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pelajar ketika membuat permohonan. PTPTN juga mahu memastikan pelajar memberi perhatian serius terhadap pengajian mereka," katanya.

Sementara itu, mengulas pengumuman Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bahawa pelajar yang pendapatan

isi keluarga RM4,000 ke bawah layak mendapat pinjaman penuh PTPTN meliputi yuran dan sara hidup, beliau berkata pada dasarnya semua rakyat Malaysia layak mendapat pinjaman pengajian daripada PTPTN, tetapi pelajar pendapatan isi keluarga melebihi RM4,000 mendapat sebahagian pinjaman saja.

"Kita mempunyai dana mencukupi untuk menampung keperluan pelajar bagi melanjutkan pengajian ke IPT. Malah, bayaran balik pinjaman buat masa ini agak baik, walaupun ada yang tidak mahu membayarnya," katanya.